

# SEJARAH KEWUJUDAN GOLONGAN KANAK-KANAK JALANAN DAN DEFINISI DALAM KONTEKS PERUNDANGAN MALAYSIA

*(Historical Existence and the Definition of Street Children in the Contexts of Malaysian Law)*

Nurul Hidayat Ab Rahman  
nhidayat@ukm.edu.my

Salawati Mat Basir  
salawati@ukm.edu.my

Fakulti Undang-Undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Januari 2020

Sila rujuk: Nurul Hidayat Ab Rahman dan Salawati Mat Basir. (2020). Sejarah Kewujudan Golongan Kanak-kanak Jalan dan Definisi dalam Konteks Perundangan Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(1), 145-164.

## Abstrak

Menurut sejarah, kanak-kanak jalanan ialah golongan yang wujud hasil daripada perkembangan teknologi secara pesat, sehingga menyebabkan berlakunya penghijrahan masyarakat dari kawasan pedalaman ke bandar besar. Namun demikian, atas beberapa faktor yang menggagalkan usaha untuk menaik taraf kehidupan mereka, akhirnya wujud golongan kanak-kanak jalanan. Sehingga kini, isu kanak-kanak jalanan masih menemui jalan buntu. Selain masalah yang dihadapi oleh mereka dari aspek ekonomi, sosial dan persekitaran, hal utama yang mengusutkan lagi gejala ini ialah definisi sebenar istilah “kanak-kanak jalanan”. Hal ini kerana, kanak-kanak jalanan terdiri daripada pelbagai kategori kumpulan kanak-kanak yang berada di lorong-lorong jalan. Ketiadaan definisi muktamad bukan sahaja akan membantutkan pengumpulan data dan informasi lanjut kumpulan ini, malah turut menyukarkan saluran bantuan kepada mereka. Makalah ini membincangkan sejarah kewujudan golongan tersebut, definisi oleh beberapa penulis lain, gelaran bagi kanak-kanak

jalan di Malaysia, huraian daripada Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) serta masalah yang timbul daripadanya.

Kata kunci: Kanak-kanak jalan, definisi, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), hak asasi, diskriminasi

### ***Abstract***

*Historically, street children have been the result of rapid technological advances, leading to the migration of people from rural areas to big cities. However, due to several factors that thwart their efforts to improve their lives, street children come into being. To date, the issue of street children has still met a dead end. In addition to the problems they face in terms of economic, social and environmental aspects, the main drawback is the absence of a clear definition of 'street children' as it concerns various categories of children on the streets. The absence of a definitive definition not only hinders data collection and further information concerning this group but makes it challenging to help them. This paper discusses the history of street children, definitions by several authors, terms used to refer to 'street children' in Malaysia, an explanation of the Childrens' Act 2001 (Act 611) and issues that arise therefrom.*

*Keywords: Street children, definition, Child Act 2001 (Act 611), human rights, discrimination*

## **PENDAHULUAN**

“Kanak-kanak jalan” merupakan satu istilah yang mencerminkan seribu satu situasi atau masalah yang dihadapi oleh golongan ini. Keluasan maksud istilah ini boleh merangkumi pelbagai kategori kanak-kanak yang berada di jalan seperti gelandangan, pendatang asing, pengemis dan banyak lagi sehingga mengakibatkan istilah ini digunakan secara am. Pada kebiasaannya, masyarakat dunia lebih mudah menggelar kesemua kelompok manusia yang berada di lorong-lorong sebagai orang jalan tanpa mengambil kira faktor ataupun masalah yang dihadapi oleh mereka di kawasan tersebut. Penggabungan kelompok-kelompok ini menyebabkan wujudnya pelbagai salah anggapan terhadap bantuan yang sepatutnya disalurkan kepada mereka.<sup>1</sup>

---

1 Child Rights Coalition Malaysia, 2012. Status Report on Children's Rights in Malaysia. Child Rights Coalition Malaysia, p. 26.

Sebahagian ahli masyarakat berpendapat bahawa golongan jalanan hanyalah mereka yang menghadapi tekanan ekonomi dan menggunakan kawasan tertentu untuk kemandirian kehidupan. Terdapat perspektif yang beranggapan, golongan ini berada di jalanan kerana konflik keluarga, dan sebahagian mereka masih mempunyai kaum keluarga yang dapat membantu mereka. Dari sudut yang lain, terdapat warga jalanan yang pada hakikatnya tidak mempunyai kewarganegaraan, yatim piatu, menghidapi penyakit kronik dan berkemungkinan pendatang asing dari negara jiran. Jelas kesemua golongan yang disenaraikan ini mempunyai alasan, tempoh dan objektif tertentu untuk tinggal di jalanan. Namun demikian, tafsiran yang terlalu umum akan membawa masalah dari segi kutipan data, maklumat dan juga penyaluran bantuan daripada pihak kerajaan serta badan-badan amal kepada mereka.

*Child Rights Coalition Malaysia*<sup>2</sup> dalam laporan pada tahun 2012 mencadangkan agar satu kajian yang komprehensif dijalankan di seluruh Malaysia untuk mendapatkan maklumat, seperti jumlah kanak-kanak jalanan, faktor dan masalah khusus yang dihadapi oleh mereka. Malah, cadangan yang sama diusulkan oleh pihak antarabangsa, iaitu Majlis Hak Asasi Manusia Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2011 dan tahun berikutnya. Majlis tersebut menggalakkan negara di dunia untuk melabur demi pengumpulan data pada peringkat kebangsaan. Tambahan pula, negara telah diberikan satu had minimum bahawa kajian sekurang-kurangnya mesti berjaya memperoleh satu definisi mutlak tentang kanak-kanak jalanan, akses kepada data, cabaran yang dihadapi dan perlindungan yang ada untuk golongan tersebut di negara masing-masing.<sup>3</sup>

Oleh yang demikian, adalah amat wajar untuk memberikan definisi atau ciri-ciri bagi golongan kanak-kanak jalanan itu ditetapkan bagi tujuan menyelesaikan isu pada peringkat nasional. Definisi yang pelbagai

---

2 *Child Rights Coalition Malaysia* adalah satu kerjasama yang terdiri daripada beberapa badan bukan kerajaan Malaysian Child Resources Institute, Childline Malaysia, Malaysian Care, National Early Childhood Intervention Council, Voice of Children, Protect and Save the Children dan Yayasan Chow Kit.

3 Human Rights Council, Report of the United Nations High Commissioner for Human Rights on the Protection and Promotion of the Rights of Children Working and/or Living on the Street. A/HRC/19/35, United Nations, hlm 17; Human Rights Council, Summary of the Full-Day Meeting on the Rights of the Child Report of the United Nations High Commissioner for Human Rights, hlm 12 – 13.

menyebabkan usaha Malaysia untuk membantu golongan kanak-kanak yang tinggal di jalanan sukar diimplementasikan dengan sempurna.

Makalah ini melihat sejarah kewujudan, dan memberikan huraian definisi oleh beberapa pihak dan juga perkaitannya dengan Akta 611. Penelitian ini secara tidak langsung mendedahkan maksud “kanak-kanak jalanan” daripada kaca mata Malaysia.

## **SEJARAH KEWUJUDAN GOLONGAN KANAK-KANAK JALANAN**

Kesan Revolusi Industri di England telah menyebabkan pertambahan populasi manusia yang berhijrah demi meningkatkan taraf hidup ke aras yang lebih maju.<sup>4</sup> Penghijrahan tersebut turut melibatkan antara lain golongan kanak-kanak. Oleh sebab itu, istilah “kanak-kanak jalanan” atau pun “kanak-kanak yang bekerja di jalanan” mula digunakan dalam penulisan sekitar abad ke-18. Kesan daripada banjir penduduk di bandar-bandar besar ialah bayaran gaji yang sangat rendah sehingga memaksa kanak-kanak untuk keluar bekerja demi menambah pendapatan keluarga. Sebagai contoh kilang industri, mencuci cerobong asap, bekerja di ladang atau lombong merupakan antara kerja yang dilakukan oleh kanak-kanak pada ketika itu. Namun begitu, pembelaan nasib atau hak asasi kanak-kanak ini bukanlah tujuan utama penulisan tersebut dijalankan, tetapi lebih memfokuskan pada kesan buruk yang akan dialami oleh buruh kanak-kanak dari segi kesihatan dan keselamatan.

Sehubungan dengan itu, wujud pelbagai bentuk peraturan khas didraf bagi tujuan menjaga kesihatan dan keselamatan kanak-kanak yang digunakan sebagai tenaga kerja.<sup>5</sup> Kanak-kanak gelandangan di London, United Kingdom sahaja telah dilaporkan sebanyak 30 000 orang. Kanak-kanak tersebut terpaksa berdepan dengan pelbagai bentuk kesusahan yang

---

4 C. O. Klingenberg & J. Jr, *Industry 4.0: What makes it a Revolution?*, EurOMA 2017 Herriot Watt University, United Kingdom, 2017, hlm 3; L.V. Neuss, *Why Did the Industrial Revolution Start in Britain?* [2016] Research Gate (14 Disember 2018).

5 ‘The Physical Deterioration of the Textile Workers, The Life of the Industrial Worker in Nineteenth-Century England’, *The Victorian Web*. <http://www.victorianweb.org/history/workers2.html> (18 Mei 2018).

melibatkan kawasan tempat tinggal, perolehan makanan, kemampuan menjaga kebersihan dan kesihatan, serta hak pendidikan dan juga sosial.<sup>6</sup>

Buku bertajuk *And Now My Soul is Hardened* telah menerangkan tentang sejarah kanak-kanak jalanan di Russia yang terlibat dengan aktiviti pelacuran akibat pengabaian ibu bapa dan orang dewasa.<sup>7</sup> Mereka juga sering dikaitkan dengan tahap kemiskinan melampau yang menyebabkan mereka berada di jalanan demi menjalankan aktiviti ekonomi tanpa pengawasan yang rapi.<sup>8</sup> Walaupun terdapat pelbagai program yang dianjurkan di Russia bagi tujuan pembasmian gejala tersebut, jumlah kanak-kanak jalanan terus meningkat sehingga mencecah angka jutaan orang. Faktor lain yang turut sama menyumbang gejala ini ialah perpisahan kanak-kanak dengan ahli keluarganya akibat strategi politik yang melibatkan migrasi secara paksa dan kematian disebabkan siri peperangan seperti Perang Dunia I dan II, Revolusi Oktober, Perang Saudara Russia dan banyak lagi. Kanak-kanak jalanan ini mudah terdedah kepada perbuatan jenayah seperti rompakan dan pelacuran. Lebih parah, apabila Kerajaan Russia terpaksa menanggung perbelanjaan bagi menyara lebih tujuh juta kanak-kanak dan wanita yang bergelar gelandangan sehingga berdekad-dekad lamanya.<sup>9</sup> Jelaslah kanak-kanak jalanan ialah golongan yang diabaikan sama ada secara sengaja atau tidak sehingga menyebabkan tiada pengawasan terhadap mereka. Kemajuan teknologi akibat peningkatan aktiviti berasaskan ekonomi, jurang tahap hidup, kemiskinan, strategi pentadbiran dan politik adalah antara punca fenomena ini wujud di serata dunia.

## KEPELBAGAIAN DEFINISI KANAK-KANAK JALANAN

Ketiadaan satu definisi muktamad bagi “kanak-kanak jalanan” disebabkan percubaan menghuraikan maksudnya berhubung kait dengan bidang pihak-pihak yang mentafsirkannya. Keadaan ini berlaku kerana terdapat perbezaan yang ketara dari segi keperluan, kehendak dan peranan bagi

---

6 A. Veale, ‘Towards a Conceptualisation of Street-Children: The Case from Sudan and Ireland’, (1992) *Trocaire Development Review*, p. 112.

7 A.M.Ball, *And Now My Soul is Hardened Abandoned Children in Soviet Russia, 1918-1930*, University of California Press, London, United Kingdom, 1994, Preface.

8 A.E. Gorsuch, *Youth in Revolutionary Russia: Enthusiasts, Bohemians, Delinquents*, Indiana University Press, United States of America, 2000, hlm 160.

9 ‘Poverty and Families in the Victorian Era’, *Hidden Lives Revealed A Virtue Archive – Children in Care 1881-1981*. <https://www.hiddenlives.org.uk/articles/poverty.html> (18 Mei 2018).

mendapatkan maksud sebenar golongan ini.<sup>10</sup> Huraian yang lebih umum sering bergantung pada keadaan yang dihadapi oleh kanak-kanak jalanan, manakala maksud spesifik memfokuskan pada punca.<sup>11</sup> Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan kanak-kanak menjalankan sebahagian aktiviti kehidupannya di jalanan. Sebagai contoh, kanak-kanak yang meninggalkan kediaman asal masing-masing kerana menyelamatkan diri daripada didera oleh ahli keluarga atau pun yatim piatu, maka mereka mengambil keputusan untuk menetap secara terus di jalanan tanpa wujud suri teladan yang boleh dicontohi dalam kehidupan seharian.<sup>12</sup>

Oleh sebab penghuraian terma ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang kompleks, penulis di serata negara telah mengeluarkan pelbagai teori dan juga konsep yang tersendiri. *United Nations Centre for Human Settlements (Habitat)* menerangkan bahawa, mereka yang menjadikan jalanan sebagai rumah dan punca rezeki digelar sebagai kanak-kanak jalanan tanpa mengira jantina. Mereka ini tidak dijaga atau dikawal oleh orang dewasa seperti ibu bapa, sanak-saudara atau pun masyarakat sekeliling. Terdapat penulis yang menyamakan keadaan ini seumpama “rompak” hak seseorang untuk menjalani zaman kanak-kanak. Sebagai contoh kanak-kanak jalanan yang sepatutnya dilindungi secara total oleh orang dewasa terpaksa memilih untuk bekerja dan mengurus urusan kehidupan seperti orang dewasa. Mereka perlu mempertaruhkan kesihatan dan juga keselamatan kerana perlu mencari makanan secara sendirian dan menetap di pinggir jalan. Hal ini jelas menunjukkan pelucutan secara langsung akan hak-hak asasi mereka sebagai manusia, apatah lagi sebagai kanak-kanak.<sup>13</sup>

Kesusasteraan dari Amerika Utara juga mengguna pakai perkataan seperti “pelarian”, “gelandangan” dan lain-lain bagi merujuk kanak-kanak jalanan. Terdapat ideologi yang melihat golongan kanak-kanak jalanan dari sudut persekitaran sosial, budaya, kawasan dan lain-lain atau apa-

---

10 G.M Burfat. (2012). *The Problems of Street Children: A Sociological Study Of Urban Sindh*, Doctor of Philosophy, University of Karachi, Pakistan, p 26.

11 K.J. Lalor. (1999). *Street Children: A Comparative Perspective*. *Child Abuse and Neglect*, 23 (8), 768.

12 M. Kudenga, ‘Behaviours of Street Children That Attract the Attention of Law Enforcement Agencies’, p. 175.

13 M. Abdul Hai, ‘Problems Faced by the Street Children. A Study on some Selected Places in Dhaka City, Bangladesh’, hlm 45; T. Hecht. *At Home in the Street: Street Children of Northeast Brazil*, Cambridge University Press, New York, 1998; S. Stephenson, ‘Street Children in Moscow: Using and Creating Social Capital’, p. 532.

apa yang dikatakan lebih umum. Walau bagaimanapun, pengklasifikasian kanak-kanak jalanan ini mestilah tidak dipandang sebagai satu bentuk prejudis.<sup>14</sup> Definisi oleh PBB dapat dikategorikan kepada dua kumpulan, yakni yang paling diketahui umum dan digunakan oleh ramai pihak. Kumpulan yang pertama disebut sebagai “kanak-kanak di jalanan” yakni mereka yang berada di jalanan atas alasan terlibat dalam aktiviti ekonomi pada siang hari dan pulang ke rumah keluarga mereka apabila tiba waktu malam. Kumpulan kedua pula, “kanak-kanak jalanan” iaitu golongan yang tidak mempunyai tempat tinggal mahu pun berehat. Walau bagaimanapun, tiada perbezaan yang jelas bagi kedua-dua jenis kumpulan tersebut. PBB juga menerangkan bahawa golongan yang telah bertahan untuk hidup di jalanan ataupun di lain-lain persekitaran keluarga yang tidak normal boleh dianggap sebagai gelandangan.

Seterusnya, UNICEF telah membahagikan kanak-kanak jalanan kepada tiga kumpulan, iaitu, “kanak-kanak di jalanan”, “kanak-kanak yang berisiko untuk berada di jalanan” dan “kanak-kanak jalanan”.<sup>15</sup> Kategori ini berdasarkan keadaan yang dihadapi oleh mereka dalam kehidupan yang menyebabkan mereka berakhir di jalanan. “Kanak-kanak di jalanan” ialah mereka yang mempunyai tempat tinggal<sup>16</sup> tetapi pada asasnya menggunakan lorong-lorong jalan pada siang hari sebagai sumber rezeki bagi meneruskan kehidupan seharian. Kumpulan terbesar ialah “kanak-kanak yang berisiko untuk berada di jalanan” yakni mereka yang berhadapan dengan krisis ekonomi yang sangat parah sehingga mempunyai kebarangkalian besar menjadi warga jalanan.<sup>17</sup> Kumpulan

---

14 C. Panter-Brick, ‘Street Children, Human Rights, and Public Health: A Critique and Future Directions’ (2003) Vol 13(1) *Children, Youth and Environments* hlm 151-152; A. Invernizzi. (2001). *Street Children in Africa, Asia and Eastern Europe—Annotated Bibliography* (StraBenkinder in Afrika, Asien und Osteuropa—Eine kommentierte Bibliographie). Bonn: Deutsche Kommission Justitie et Pa hlm 79-81.

15 K. M. Ferguson. *Children in and of the Street*, I *Handbook of International Social Work: Human Rights, Development and Global Profession*, L. M. Healy and R. J. Link (eds), Oxford University Press, New York, 2012, hlm 160 – 165.; UNICEF (1984), *Latin America Seminar on Community Alternatives for Street Children*, Brasilia, Brazil, November 12-15.

16 K. J. Lalor, ‘Street Children: A Comparative Perspective’, *Child Abuse & Neglect*, hlm 760; J. Le Roux, ‘Street Children in South Africa: Findings from Interviews on the Background of Street Children in Pretoria South Africa’, hlm 423-431.

17 I. Rizzini & M.W Lusk, ‘Children in the Streets: Latin America’s Lost Generation’ (1995) Vol 17(3) *Children and Youth Services Review* hlm 396; A. Bhukuth & J. Ballet, ‘Children of the Street: Why are they in the Street? How do they Live?’ (2015) Vol. 8(4) *Economics and Sociology* p. 135.

yang terakhir ialah mereka yang mengangkat jalanan sebagai kediaman, sumber ekonomi, dan menjalin hubungan kekeluargaan dengan mereka yang sama-sama berhadapan dengan nasib yang malang. Sebagai contoh, mereka ini terdiri daripada pelarian, yatim piatu atau pun ditinggalkan.<sup>18</sup>

Penentuan status sebagai kanak-kanak jalanan menurut Cosgrove boleh ditentukan melalui dua hal, iaitu hubungan dan campur tangan keluarga dalam kehidupan mereka. Terdapat tiga kategori kanak-kanak, pertama, kanak-kanak yang hidupnya tiada sebarang penglibatan keluarga dan tingkah lakunya dengan norma kehidupan adalah sangat menyimpang. Kumpulan kedua ialah mereka yang hidupnya tiada sebarang penglibatan keluarga dan tingkah lakunya dengan norma adalah sangat tidak konsisten. Kumpulan terakhir ialah kanak-kanak yang penglibatan keluarga tidak konsisten dan tingkah lakunya dengan norma adalah sangat menyimpang. Selain itu, terdapat enam lagi kategori yang lain, iaitu mereka yang mempunyai potensi atau pun menyerupai untuk menjadi kanak-kanak jalanan.<sup>19</sup>

Zarazadeh berpendapat kanak-kanak jalanan terbahagi kepada empat kumpulan, iaitu mereka yang tiada rumah dan yatim piatu. Seterusnya, golongan yang mempunyai rumah serta keluarga tetapi tinggal secara berasingan dan masih menerima pertolongan daripada kaum keluarga. Selain itu, terdapat kanak-kanak yang mempunyai keluarga tetapi menjadikan jalanan sebagai punca pendapatan. Akhir sekali, mereka yang telah diselamatkan oleh pihak-pihak tertentu tetapi berisiko untuk kembali hidup di jalanan.<sup>20</sup>

Menurut Volpi (2002), kerentanan merupakan asas utama untuk mengenal pasti kanak-kanak jalanan. Mereka boleh terdiri daripada

---

18 A. Bhukuth & J. Ballet, 'Children of the Street: Why are they in the Street? How do they Live?', hlm 135; M. K. Densley & D.M. Joss, 'Street Children: Causes and Consequences, and Innovative Treatment Approaches' (2000) Vol. 15 Work hlm 220-221; Save the Children. Life on the Street, Street Children Survey in 5 Cities: Lucknow, Mughalsarai, Hyderabad, Patna and Kolkata-Howrah, Department for International Development UK New Delhi Office, Karvey Insights Ltd & Association for Rural and Urban Needy. hlm, 17.20 T. Zarazadeh, 'Investigating the Status of the Street Children: Challenges and Opportunities' (2013) Vol. 84 Procedia - Social and Behavioral Sciences, hlm 1432.

19 J.G. Cosgrove., 'Towards a Working Definition of Street Children', (1990) Vol. 33 International Social Work hlm 189-190.

20 T. Zarazadeh, 'Investigating the Status of the Street Children: Challenges and Opportunities' (2013) Vol. 84 Procedia - Social and Behavioral Sciences, p 1432.



kalangan yang mengambil upah bekerja, tidak bersekolah atau pun gelandangan semata-mata. Penulis juga berpendapat sifat kerentanan mereka boleh dihubungkan dengan keterlibatan mereka dengan gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, pergaulan seks bebas dan kumpulan gangsterisme.<sup>21</sup>

## **KANAK-KANAK JALANAN MENURUT KONTEKS PERUNDANGAN MALAYSIA**

Kanak-kanak jalanan ialah satu fenomena yang sudah lama melanda negara Malaysia. Walaupun Negara tidak mempunyai statistik yang lengkap tentang jumlah dan taburan golongan ini, kewujudan mereka tidak boleh dinafikan sama sekali. Jumlah kanak-kanak Malaysia dianggarkan dalam satu laporan sebanyak 75 000 orang.<sup>22</sup> Walau bagaimanapun, angka tersebut bukanlah suatu yang muktamad kerana tidak pernah dibuktikan dengan terperinci mahu pun dikemas kini. Kajian sedia ada mengenai isu ini juga ada menyentuh tentang kehidupan mereka secara tidak langsung dan sangat ringkas. Hal ini dibuktikan dalam Laporan Status Hak Kanak-Kanak di Malaysia ( tahun?). Laporan tersebut menerangkan bahawa profil demografi, jumlah dan data mengenai kanak-kanak jalanan adalah terlalu terhad.

Sama seperti negara-negara lain, Malaysia menggunakan pelbagai gelaran terhadap kanak-kanak jalanan seperti, rakan jalanan, pengemis, gelandangan dan lain-lain. Penggunaan istilah ini menggambarkan permasalahan yang dihadapi oleh mereka dalam kehidupan. Namun demikian, istilah ini tidak dapat diperincikan dengan mendalam kerana cabaran hidup mereka adalah kompleks, iaitu melibatkan masalah seperti kemiskinan, kesihatan, pendidikan, keselamatan dan banyak lagi. Walaupun tiada sebarang definisi khas bagi golongan ini, dua ciri-ciri telah ditetapkan sebagai langkah awal untuk mengenal pasti kanak-kanak jalanan. Ciri-ciri tersebut termasuklah tiada sumber ekonomi

---

21 E. Volpi, 2002. *Street Children: Promising Practices and Approaches*. World Bank Institute, p. 5.

22 West, Andrew. 2003. *At the Margins Street: Children in Asia and the Pacific*. Poverty and Social Development Paper No. 8/2003. Regional and Sustainable Development Department, Asian Development Bank.

yang konsisten dan juga kediaman tetap untuk berlindung. Keadaan ini memaksa mereka untuk bergantung hidup di lorong-lorong jalan.<sup>23</sup>

Penetapan ciri-ciri ini walau bagaimanapun merupakan suatu usaha yang bersifat ala kadar dan tidak komprehensif sama sekali. Kajian mahu pun penulisan di negara luar telah melihat hampir segala aspek dan kemungkinan yang dihadapi oleh kumpulan malang ini sehingga merempat di lorong-lorong jalan sekitar kota raya. Sebagai contoh, mereka berkemungkinan mempunyai pendapatan tetapi dipinggirkan oleh keluarga atas faktor kesihatan atau gejala sosial. Malah terdapat sebahagian golongan ini yang mempunyai kediaman tetap tetapi merupakan kanak-kanak warganegara asing atau pun mereka yang tidak berdaftar pengenalan dirinya. Cubaan untuk menghuraikan terma ini hendaklah diluaskan skopnya bagi memudahkan lagi golongan tersebut mendapat bantuan yang sepatutnya.

Merujuk Seksyen 54 Akta 611<sup>24</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia ialah badan kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengendalikan perlindungan di Rumah Kanak-Kanak.<sup>25</sup> Antara kumpulan yang tersenarai sebagai layak menerima pemeliharaan dan perlindungan termasuklah kanak-kanak yang didera secara fizikal, emosi dan seksual oleh ibu bapa mahupun penjaga atau berhadapan dengan ancaman sedemikian. Kanak-kanak yang telah diabaikan, disisihkan, tidak diawasi atau dikawal selia oleh ibu bapa atau penjaga dari segi pemeliharaan yang merangkumi makanan, pakaian dan tempat tinggal juga berhak untuk

---

23 'Gelandangan Kini dikenali Rakan Jalanan' Berita Harian Online 27 September 2017 <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/09/330655/gelandangan-kini-dikenali-rakan-jalanan> 12 April 2018; 'Bukan Gelandangan, tapi Rakan Jalanan' Sinar Online 26 September 2017 <http://www.sinarharian.com.my/nasional/bukan-gelandangan-tapi-rakan-jalanan-1.735622> 4 April 2018; 'Golongan Gelandangan kini dikenali sebagai Rakan Jalanan' Malaysia Kini 26 September 2017 <https://www.malaysiakini.com/news/396405> 4 April 2018.

24 Seksyen 54, Akta 611.

Tempat selamat

54. (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menubuhkan atau menetapkan mana-mana tempat, institusi atau pusat menjadi suatu tempat selamat bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak. (2) Menteri boleh pada bila-bila masa mengarahkan penutupan mana-mana tempat selamat yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah subseksyen (1).

25 Seksyen 2, Akta 611.

Tafsiran "tempat selamat" ertinya mana-mana tempat selamat yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah seksyen 54;

tinggal di fasiliti ini. Selain itu, rumah kanak-kanak turut menjaga mereka yang terlibat dalam kes perebutan hak penjagaan di mahkamah. Kumpulan kanak-kanak yang meminta sedekah, menjalankan persembahan serta perniagaan di jalan juga disenaraikan sebagai mereka yang perlu diberikan perlindungan. Apatah lagi kanak-kanak yang melakukan aktiviti perjudian, loteri dan lain-lain yang amat memerlukan bantuan kerana golongan ini lebih terjejas dari aspek fizikal, mental, emosi dan rohani mereka.<sup>26</sup>

Kumpulan kanak-kanak rentan yang disenaraikan oleh JKM ini adalah serupa dengan Seksyen 17 Akta 611, iaitu kumpulan yang akan ditetapkan oleh Mahkamah sebagai perlu dilindungi bagi tempoh tiga tahun atau sehingga 18 tahun.<sup>27</sup> Namun begitu, perkataan “jalanan” hanya muncul dalam Seksyen 17 (1) (k) (i) dan (ii)<sup>28</sup> menyebabkannya menjadi satu-satunya peruntukan yang paling hampir definisinya bagi “kanak-kanak jalanan”. Tambahan kepada peruntukan tersebut ada menyentuh beberapa aktiviti yang kebiasaannya melibatkan kanak-kanak di jalanan yakni mengemis, membuat persembahan, berjaja dan lain-lain. Namun demikian, sekiranya diteliti huraian dalam semua peruntukan lain, hal ini masih berada dalam skop kehidupan kanak-kanak jalanan. Jadual 1 menunjukkan perbandingan antara kumpulan kanak-kanak yang perlu dilindungi di bawah Seksyen 17 Akta 611 dengan Rumah Kanak-Kanak, JKM.

---

26 ‘Rumah Kanak-Kanak’ Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=aFlzU3BRWGNKT2tIU2M4RWhvVzg0dz09> 25 Disember 2017.

27 Seksyen 30 (1) (d), Akta 611. Kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak 30. (1) Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya di bawah seksyen 19 atau 25 ialah seorang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu boleh — (d) membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat selama tempoh tiga tahun dari tarikh perintah itu atau sehingga dia mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih pendek;

28 Seksyen 17 (1) (k), Akta 611. (k) kanak-kanak itu dibenarkan berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud — (i) mengemis atau menerima sedekah, sama ada atau tidak dengan dalih menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa jua untuk jualan; atau (ii) menjalankan penjajaan yang menyalahi undangundang, loteri haram, perjudian atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak itu.

**Jadual 1** Perbandingan kategori kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan oleh Akta 611 dan Rumah Kanak-Kanak JKM.

<b>SEKSYEN 17 AKTA 611</b>	<b>JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT</b>
(a) kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan kanak-kanak itu akan dcederakan dari segi fizikal atau dcederakan dari segi emosi atau dianiayai dari segi seks oleh ibu atau bapa atau penjaganya atau seseorang anggota keluarga luasnya;	-didera dari aspek fizikal, emosi, penganiayaan seks oleh ibu bapa atau penjaga; akan didera dari segi fizikal atau dcedera dari segi emosi atau dianiaya dari segi seks;
(b) kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan kanak-kanak itu akan dcederakan dari segi fizikal atau dcederakan dari segi emosi atau dianiayai dari segi seks dan ibu atau bapa atau penjaganya, yang tahu tentang kecederaan atau penganiayaan atau kemungkinan sedemikian, telah tidak melindungi atau tidak mungkin akan melindungi kanak-kanak itu daripada kecederaan atau penganiayaan sedemikian;	
<i>B</i> (c) ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu tidak layak, atau telah abai, atau tidak upaya, untuk menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu dan kanak-kanak itu mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat;	-ibubapa/penjaga kanak-kanak telah abai/ tak berupaya untuk menjalankan pengawasan & pengawalan;
(d) ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu telah abai atau berkeberatan untuk mengadakan pemeliharaan, makanan, pakaian dan tempat berteduh yang mencukupi untuk kanak-kanak itu;	-ibu bapa atau penjaga kanak-kanak telah mengabaikan atau keberatan untuk mengadakan pemeliharaan, makanan pakaian dan tempat berteduh yang mencukupi untuk kanak-kanak;
(e) kanak-kanak itu —  (i) tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga; atau (ii) telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat ditemui, dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu;	-tiada ibu bapa atau penjaga;  -telah dibuang oleh ibu bapa;

SEKSYEN 17 AKTA 611	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
<p>(f) kanak-kanak itu perlu diperiksa, disiasat atau dirawat—</p> <p>(i) bagi maksud memulihkan atau memelihara kesihatannya; dan</p> <p>(ii) ibu atau bapa atau penjaganya abai atau enggan mendapatkan kanak-kanak itu diperiksa, disiasat atau dirawat sedemikian;</p>	
<p>(g) kanak-kanak itu berkelakuan dengan cara yang, atau yang mungkin, memudaratkan dirinya atau mana-mana orang lain dan ibu atau bapa atau penjaganya tidak upaya atau berkeberatan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperbaiki keadaan atau langkah-langkah memperbaiki keadaan yang diambil oleh ibu atau bapa atau penjaga itu gagal;</p>	
<p>(h) terdapat pertelingkahan yang sedemikian rupa antara kanak-kanak itu dengan ibu atau bapa atau penjaganya, atau antara ibu dan bapa atau penjaga-penjaganya, sehinggakan hubungan kekeluargaan terganggu dengan serius, dan yang demikian itu menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan emosi;</p>	-terlibat dalam perebutan hak penjagaan;
<p>(i) kanak-kanak itu ialah seorang yang berkenaan dengannya mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau mana-mana kesalahan daripada jenis yang diperihalkan dalam seksyen 31, 32 dan 33 telah atau disyaki telah dilakukan dan ibu atau bapa atau penjaganya—</p> <p>(i) ialah orang yang melakukan kesalahan sedemikian atau yang disyaki telah melakukan kesalahan sedemikian; atau</p> <p>(ii) telah tidak melindunginya atau tidak mungkin akan melindunginya daripada kesalahan sedemikian;</p>	

SEKSYEN 17 AKTA 611	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
<p>(j) kanak-kanak itu ialah—</p> <p>(i) anggota keluarga yang sama dengan kanak-kanak yang disebut dalam perenggan (i); atau</p> <p>(ii) anggota keluarga yang sama dengan orang yang telah disabitkan atas kesalahan yang disebut dalam perenggan (i), dan yang nampaknya dalam bahaya akan dilakukan ke atasnya atau berkenaan dengannya kesalahan yang serupa dan ibu atau bapa atau penjaganya—</p> <p>(aa) ialah orang yang melakukan atau disyaki telah melakukan kesalahan itu;</p> <p>(bb) ialah orang yang telah disabitkan atas kesalahan sedemikian; atau</p> <p>(cc) tidak upaya atau berkeberatan melindunginya daripada kesalahan sedemikian;</p>	
<p>(k) kanak-kanak itu dibenarkan berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud—</p> <p>(i) mengemis atau menerima sedekah, sama ada atau tidak dengan dalih menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa jua untuk jualan; atau</p> <p>(ii) menjalankan penjajaan yang menyalahi undang-undang, loteri haram, perjudian atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak itu.</p>	<p>-jalan terlibat dengan pengemisan, membuat persembahan / menawar apa-apa untuk jualan; dan</p> <p>-menjalankan penjajaan yang menyalahi undang-undang seperti perjudian, loteri atau sebarang aktiviti yang mendatangkan kemudaratkan kepada kebajikan kanak-kanak tersebut.</p>

## ISU-ISU YANG TERBIT DARIPADA DEFINISI KANAK-KANAK JALANAN

Terdapat sebanyak 13 buah Rumah Kanak-Kanak yang boleh memuatkan seramai 1430 orang kanak-kanak di seluruh Malaysia.<sup>29</sup> Bagi kanak-kanak yang keluar dari rumah kanak-kanak, yatim piatu atau pun tidak mendapat penjagaan dan pemeliharaan daripada keluarga,<sup>30</sup> ditempatkan di fasiliti yang dinamakan sebagai Rumah Tunas Harapan.<sup>31</sup> Rumah Perlindungan ATIP<sup>32</sup> pula lebih memfokuskan perlindungan buat mereka yang terlibat dengan masalah eksploitasi<sup>33</sup> juga pemerdagangan manusia.<sup>34</sup> Adalah penting untuk dijelaskan bahawa kesemua rumah perlindungan ini bertujuan melindungi kanak-kanak malang dan bukannya dicipta khas bagi kanak-kanak jalanan. Hal ini secara langsung menyebabkan kebarangkalian usaha untuk melindungi kanak-kanak jalanan menjadi semakin kecil, disokong pula dengan kenyataan bahawa fasiliti sedia ada adalah terhad.

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) satu-satunya sekolah yang dibina oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membantu kanak-kanak jalanan di sekitar bandar raya Kuala Lumpur. Sekolah ini mula beroperasi

---

29 Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016, hlm 205. "Senarai Institusi Rumah Kanak-Kanak (RKK) di seluruh Malaysia:- RKK Cheras, RKK Kuala Kangsar, Rumah Budak Laki-Laki (RBL) Melaka, PPPK Serendah, RKK Taman Bakti, RKK Kuantan, RKK Penor, RKK Kota Kinabalu, RKK Arau, RKK Kuching, RKK Rembau, Rumah Perlindungan (RP) Kanak-Kanak Johor, RKK Mini Kelantan, RKK Mini Johor, dan RP Kanak-Kanak Rembau."

30 'Rumah Tunas Harapan' Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=a29MQ3BIVWJmMHBseWhKaVBDQWF2UT09> 5 April 2018.

31 'Rumah Tunas Harapan' Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=a29MQ3BIVWJmMHBseWhKaVBDQWF2UT09> 5 April 2018.

32 'Rumah Perlindungan (RP) ATIP' Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=eWdMdnViYVFzeHJYUHFsnINONm5oQT09> 5 April 2018

33 Seksyen 2, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, Akta 670. Tafsiran "eksploitasi" termasuklah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undangundang atau pemindahan organ manusia.

34 Seksyen 2, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, Akta 670. Tafsiran "pemerdagangan orang" ertinya segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud Akta ini.

pada tahun 2013,<sup>35</sup> sekolah tersebut mempunyai objektif tersendiri, iaitu menjadi medium atau saluran pendidikan formal bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa gejala sosial ataupun dilahirkan dalam keluarga miskin, gelandangan dan yatim piatu. SBJK hanya mampu menampung tidak lebih 200 orang pelajar menyebabkan tidak semua kanak-kanak jalanan di sekitar Kuala Lumpur dapat menikmati peluang pendidikan.<sup>36</sup> Mereka yang kurang bernasib baik akan meneruskan kelangsungan hidup dengan aktiviti seperti menjaga parkir, mencuci kenderaan, dan lain kerja dengan jumlah bayaran upah yang sangat kecil dalam tempoh bekerja yang lama.<sup>37</sup>

Melihat semula kepada data dan informasi yang sangat sedikit mengenai golongan kanak-kanak jalanan di Malaysia menunjukkan bahawa perlindungan hak asasi mereka adalah sangat lemah. Malahan, terdapat antara kanak-kanak ini yang tidak mempunyai kesedaran sama sekali tentang hak yang sepatutnya mereka nikmati di sisi undang-undang.

## KESIMPULAN

Berdasarkan definisi yang dihuraikan oleh kebanyakan penulis, istilah “kanak-kanak jalanan” merupakan campuran pelbagai masalah yang dihadapi oleh golongan ini, yang melibatkan kanak-kanak tidak bersekolah, bekerja di jalanan, dan tidak mempunyai kediaman atau pun penjaga. Namun begitu, ciri-ciri tersebut juga bukanlah sesuatu yang mutlak. Hal

---

35 'Profil Sekolah' Blog Rasmi Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih <http://sekolahbimbinganjalinankasih.blogspot.my/p/profile-sekolah.html> 12 April 2018; 'Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih Fokus Anak Terpinggir' Portal Pilihan Guru Pelajar Sekolah GPS Bestari 15 November 2016 <http://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/sekolah-bimbingan-jalinan-kasih-fokus-anak-terpinggir-1.585962> 12 April 2018.

36 'Penambahbaikan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih' Blog Rasmi Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Najib bin Razak Najib Razak.com 7 September 2017 <https://www.najibrazak.com/en/blog/penambahbaikan-di-sekolah-bimbingan-jalinan-kasih/> 12 April 2018; 'Kanak-Kanak Jalanan Layak Dapat Pendidikan Berkualiti' Malaysian Gazette 7 September 2017 <http://malaysiagazette.com/v2/blog/2017/09/07/kanak-kanak-jalanan-layak-dapat-pendidikan-berkualiti-pm/> 12 April 2018

37 T. Zarezadeh, 'Investigating the Status of the Street Children: Challenges and Opportunities', hlm 1432; United Nations Human Rights, 2011. Protection and Promotion of the Rights of Children Working and/or Living on the Street, hlm 10; UNICEF 'Protection of Children Living on the Street', UNICEF, <https://www.unicef.org/bangladesh/PCAR.pdf> 19 Februari 2018; K. Lalor, 'Street children: A Comparative Perspective', (1999) Vol 23 (8), Child Abuse and Neglect, p. 760.



sedemikian telah membawa kepada satu kesimpulan atau kesepakatan oleh beberapa agensi yang menyatakan bahawa penggunaan istilah “kanak-kanak jalanan” adalah terlalu am.<sup>38</sup> Selain itu, pemberian definisi dalam skop yang terlalu sempit tidak akan dapat membantu menyelesaikan masalah tersebut secara keseluruhan.

Oleh yang demikian, penggunaan istilah “kanak-kanak jalanan” masih relevan bagi menghuraikan aktiviti rutin di jalanan dan masalah yang dihadapi oleh mereka. Definisi yang dicadangkan bagi merangkumi semua golongan kanak-kanak jalanan melibatkan mereka yang berusia di bawah 18 tahun dan berada di jalanan kerana berhadapan dengan masalah ekonomi dan juga sosial. Kanak-kanak jalanan merangkumi kanak-kanak yang mempunyai kewarganegaraan Malaysia atau pun tanpa kerakyatan. Golongan tanpa kerakyatan adalah seperti pelarian, pemohon suaka dan pendatang asing. Termasuk dalam golongan kanak-kanak jalanan tanpa kerakyatan apabila penjaga gagal mendaftarkan kelahiran anak mereka.

Kewujudan mereka di jalanan adalah kerana keterpaksaan hidup seperti kemiskinan, dipinggirkan oleh ahli keluarga atau masyarakat serta golongan yatim piatu. Keberadaan mereka di jalanan itu juga adalah kerana desakan hidup sehingga wujudnya kebergantungan pada lorong-lorong jalan bagi tujuan survival.

## RUJUKAN

- A.E. Gorsuch. (2000). *Youth in Revolutionary Russia: Enthusiasts, Bohemians, Delinquents*. Indiana University Press, United States of America.
- A. Bhukuth & J. Ballet. (2015). Children fo the Street: Why are they in the Street? How do they live? *Economics and Sociology*, 8(4), 135.
- A. Invernizzi. (2001). *Street Children in Africa, Asia and Eastern Europe — Annotated Bibliography (StraBenkinder in Afrika, Asien und Osteuropa — Eine kommentierte Bibliographie)*. Bonn: Deutsche Kommission Justitie et Pa, 79-81.
- Akta 611 Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.
- Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).
- Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670).
- A.M. Ball. (1994). *And Now My Soul is Hardened Abandoned Children in Soviet Russia, 1918-1930*. University of California Press, London, United Kingdom, Preface.

---

38 ‘E. Volpi, 2002. Street Children: Promising Pratices and Approaches. World Bank Institute, hlm 3.

- A. Veale. (1992). Towards a Conceptualisation of Street-Children: The Case from Sudan and Ireland. *Trocaire Development Review*, 112.
- “Bukan Gelandangan, tapi Rakan Jalanan” *Sinar Online* 26 September 2017. Capaian daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasional/bukan-gelandangan-tapi-rakan-jalanan-1.735622> (4 April 2018).
- Child Rights Coalition Malaysia. (2012). *Status Report on Children's Rights in Malaysia*. Child Rights Coalition Malaysia.
- C. Panter-Brick. (2003). Street Children, Human Rights, and Public Health: A Critique and Future Directions’. *Children, Youth and Environments*, 13(1), 151-152.
- C. O. Klingenberg & J. Jr. (2017). *Industry 4.0: What makes it a Revolution?* EurOMA Herriot Watt University, United Kingdom.
- L.V. Neuss. (2016). Why Did the Industrial Revolution Starts in Britain? *Research Gate* (14 Desember 2018).
- E. Volpi. (2002). *Street Children: Promising Practices and Approaches*. World Bank Institute.
- “Gelandangan Kini dikenali Rakan Jalanan” *Berita Harian Online* 27 September 2017. Capaian daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/09/330655/gelandangan-kini-dikenali-rakan-jalanan> (12 April 2018).
- G.M Burfat. (2012). *The Problems of Street Children: A Sociological Study Of Urban Sindh* (Unpublished Doctor of Philosophy). University of Karachi, Pakistan.
- “Golongan Gelandangan kini dikenali sebagai Rakan Jalanan” *Malaysia Kini* 26 September 2017 <https://www.malaysiakini.com/news/396405> 4 April 2018.
- Human Rights Council, Report of the United Nations High Commissioner for Human Rights on the Protection and Promotion of the Rights of Children Working and/or Living on the Street. A/HRC/19/35, United Nations, p. 17.
- Human Rights Council, Summary of the Full-Day Meeting on the Rights of the Child Report of the United Nations High Commissioner for Human Rights, pp. 12 -13.
- Rizzini & M.W Lusk. (1995). Children in the Streets: Latin America’s Lost Generation. *Children and Youth Services Review*, 17(3), 396.
- J.G. Cosgrove. (1990). Towards a Working Definition of Street Children. *International Social Work*, 33, 189-190.
- J. Le Roux. (1996). Street Children in South Africa: Findings from Interviews on the Background of Street Children in Pretoria South Africa. *Adolescence*, 31(122), 423-431.
- “Kanak-Kanak Jalanan Layak Dapat Pendidikan Berkualiti” *Malaysian Gazette* 7 September 2017. Capaian daripada <http://malaysiagazette.com/v2/blog/2017/09/07/kanak-kanak-jalanan-layak-dapat-pendidikan-berkualiti-pm/> 12 April 2018.

- K. J. Lalor. (1999). Street Children: A Comparative Perspective. *Child Abuse & Neglect*, 23(8), 768.
- K. M. Ferguson. (2012). Children in and of the Street. L. M. Healy and R. J. Link (Eds), *Handbook of International Social Work: Human Rights, Development and Global Profession*. New York: Oxford University Press.
- Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016.
- M. Abdul Hai. (2014). Problems Faced by the Street Children. A Study on some Selected Places in Dhaka City, Bangladesh. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 3(10), 45.
- M. K. Densley & D.M. Joss. (2000). Street Children: Causes and Consequences, and Innovative Treatment Approaches. *Work*, 15.
- M. Kudenga. (2017). Behaviours of Street Children That Attract the Attention of Law Enforcement Agencies. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 7(3), 175.
- Penambahbaikan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih. (2017). Blog Rasmi Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Najib bin Razak Najib Razak. com 7 September. Capaian daripada <https://www.najibrazak.com/en/blog/penambahbaikan-di-sekolah-bimbingan-jalinan-kasih/> (12 April 2018).
- Poverty and Families in the Victorian Era', Hidden Lives Revealed A Virtue Archive – Children in Care 1881-1981. <https://www.hiddenlives.org.uk/articles/poverty.html> (18 Mei 2018).
- Profil Sekolah. (n.d). Blog Rasmi Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih. Capaian daripada <http://sekolahbimbinganjalinankasih.blogspot.my/p/profile-sekolah.html> (12 April 2018).
- Rumah Kanak-Kanak. (n.d). Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Capaian daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=aFizU3BRWGNKT2tIU2M4RWhvVzg0dz09> (25 Disember 2017).
- Rumah Perlindungan (RP) ATIP. Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=eWdMdnViYVFzeHJYUHFsnINONm5oQT09> (5 April 2018).
- Rumah Tunas Harapan Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. (n.d.). Capaian daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=a29MQ3BIVWJmMHBseWhKaVBDQWF2UT09> (5 April 2018).
- S. Stephenson. (2001). Street Children in Moscow: Using and Creating Social Capital. *The Sociological Review*. Blackwell Publisher.
- Save the Children*. (2015). Life on the Street, Street Children Survey in 5 Cities: Lucknow, Mughalsarai, Hyderabad, Patna and Kolkata-Howrah. Department for International Development UK New Delhi Office, Karvey Insights Ltd & Association for Rural and Urban Needy. p, 17
- 'Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih Fokus Anak Terpinggir' Portal Pilihan Guru Pelajar Sekolah GPS Bestari 15 November 2016. Capaian daripada <http://>

- [www.gpsbestari.com/artikel/rencana/sekolah-bimbingan-jalanan-kasih-fokus-anak-terpinggir-1.585962](http://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/sekolah-bimbingan-jalanan-kasih-fokus-anak-terpinggir-1.585962) (12 April 2018).
- T. Hecht. (1998). *At Home in the Street: Street Children of Northeast Brazil*. New York: Cambridge University Press.
- T. Zarazadeh. ((2013). Investigating the Status of the Street Children: Challenges and Opportunities. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 84, 1432.
- The Physical Deterioration of the Textile Workers, The Life of the Industrial Worker in Ninteenth-Century England. (n.d.). The Victorian Web. Capaian daripada <http://www.victorianweb.org/history/workers2.html> (18 Mei 2018).
- UNICEF. (1984), *Latin America Seminar on Community Alternatives for Street Children*. Brasilia, Brazil, November 12-15.
- UNICEF 'Protection of Children Living on the Street'.(n.d.). Capaian daripada <https://www.unicef.org/bangladesh/PCAR.pdf> (19 Februari 2018).
- United Nations Human Rights. (2011). Protection and Promotion of the Rights of Children Working and/or Living on the Street, hlm 10.
- West, Andrew. (2003). *At the Margins Street: Children in Asia and the Pacific. Poverty and Social Development Paper No. 8/2003*. Regional and Sustainable Development Department, Asian Development Bank.

Diperoleh (*Received*): 03 Oktober 2019

Diterima (*Accepted*): 25 Desember 2019